

17/02/1999

Usah jadikan syaitan rakan seperjuangan

Ruslan Abdul Rahman

SAYA berasa terpenggil untuk berkongsi pendapat dengan pembaca lain berhubung beberapa perkara yang menyentuh kehidupan bermasyarakat, berpolitik dan beragama, khususnya agama Islam yang maha suci.

Hati ini amat tersentuh beberapa perkara yang diperkatakan seorang yang bergelar Yang Amat Berhormat, Datuk, Tuan Guru, Mursyidul Am, iaitu Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.

Saya ada mengikuti banyak kenyataannya melalui akhbar, termasuk Berita Harian, majalah dan ceramah politiknya. Pada dasarnya jawapan yang diberikan oleh beliau memang memaparkan ajaran dan kehendak Islam dan ini memang wajar diperkatakannya, kerana beliau memang mendapat pendidikan dalam bidang itu.

Yang menjadi persoalannya, apakah yang diperkatakannya itu dipraktikkan atau diamalkan sama ada oleh beliau sendiri atau pemimpin Pas yang lain? Contohnya kata beliau: 'Tidak ada perkara yang terpaku dalam kepala saya selain untuk menyatukan orang Melayu'. Bunyinya cukup enak dan nampak begitu baik sekali cita-citanya. Tetapi yang dilakukan jauh sama sekali, umpama langit dengan bumi. Dewan Undangan Negeri Terengganu suatu ketika dahulu pernah membuktikan ucapan yang membawa perpecahan, caci-mencaci dan maki hamun serta tafsiran al-Quran mengikut selernya, kononnya ada ayat al-Quran yang meminta manusia bergaduh.

Saya petik kata-kata Timbalan Presiden Pas, Hadi Awang pada 24 September 1980 di Terengganu yang meminta manusia bergaduh dengan membaca dan memetik surah al-Baqarah ayat 251 yang bermaksud 'Dan jikalau Allah tidak menjadikan manusia ini bergaduh, bermusuh nescaya akan rosaklah muka bumi'.

Saya juga tertarik dan mengucapkan tahniah di atas kenyataan Nik Aziz yang menolak politik kafir mengkafir, maki hamun dan seumpamanya, yang bertentangan dengan dakwah Islamiah dan dianggapnya kerja bodoh.

Nasihat yang paling wajar itu pastinya ditujukan kepada Hadi Awang. Saya petik lagi fatwa Hadi Awang dalam bab kafir mengkafirkan ini yang belum ditarik balik sehingga sekarang, iaitu 'Mati syahid kerana melawan Umno', pada 17 April 1981. Pas Kelantan mencetaknya dengan tajuk 'Amanat Haji Hadi' dalam tulisan jawi yang diedarkan pada pilihan raya Selising pada September 1983. Apa komen Nik Aziz dalam hal ini.

Dan bagi saya Nik Aziz juga melakukan perkara yang hampir sama dalam wawancara dengan sebuah akhbar tempatan itu juga, apabila menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penganut sekular iaitu merujuk kepada kata-kata Nik Aziz bahawa Perdana Menteri menyalahgunakan kepintaran yang Allah Taala beri untuk sekular.

Sekular ertinya, memisahkan dunia dengan akhirat - ertinya bukan ajaran Islam, kerana salah satu Rukun Iman ialah percaya kepada hari akhirat atau hari pembalasan. Apakah benar Dr Mahathir ini berfahaman sekular? Ini satu tuduhan yang berat Nik Aziz kepada Dr Mahathir - sedangkan katanya (Nik Aziz) beliau nasihat kawan-kawannya dalam hal yang bertentangan dengan dasar dakwah ini.

Saya juga yakin orang Umno atau ulama-ulama lain sedia berdebat apabila Nik Aziz dalam wawancara itu berkata bahawa parti Umno asasnya bukan Islam, kerana ia suatu kenyataan yang amat memilukan dan mencabar keislaman ahli dan penyokong Umno.

Dalam pada itu sukacita dirujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan melalui Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh

dalam sebuah akhbar tempatan 13 Februari 1999 yang bertajuk 'Teguran Menteri Besar Terengganu dijawab'.

Saya menafikan sama sekali kenyataan bahawa Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, silap sebagaimana yang didakwa melalui kenyataan Wan Ismail itu.

Saya tetap pertahankan bahawa mengambil syaitan untuk membantu perjuangan adalah tidak diizinkan oleh agama Islam yang maha suci. Begitu juga berdoa kepada Allah untuk memusnahkan musuh juga bertentangan dengan ajaran Islam, kerana yang dibolehkan ialah doa supaya diberi pertunjuk dan hidayah saja diajar kepada umat Islam - sebagaimana yang telah dinyatakan Wan Mokhtar dalam Berita Harian 10 Februari 1999.

Alasan syaitan pernah bertungkus lumus menolong Nabi Sulaiman sebagaimana diceritakan dalam al-Quran, maka tidak mustahil atau tidak salah umat Nabi Muhammad yang berjuang menegakkan Islam mendapat bantuan sepertimana yang dinyatakan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan itu adalah suatu yang salah.

Ini kerana kita sebagai umat Muhammad wajib mengikuti ajaran syariat baginda dan bukan ajaran syariat Nabi Sulaiman. Ajaran Nabi Muhammad, syaitan adalah musuh seperti mana ayat al-Quran Surah Faatir, ayat 6 yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya); sebenarnya dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi penduduk neraka."

Kalau kita hendak ikut syariat Nabi Sulaiman, pada zaman baginda, patung-patung boleh dibina - sebagaimana diceritakan dalam Surah Saba' ayat 13, sedangkan pembinaan patung bertentangan dengan ajaran Nabi Muhammad. Begitu juga syariat nabi-nabi sebelumnya, misalnya pada zaman Nabi Adam dibolehkan berkahwin sesama adik beradik (kandung), tetapi tidak boleh lagi dalam syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Sementara itu pada zaman Nabi Musa poligami adalah tanpa had, pada zaman Nabi Isa pula kahwin hanya dibenarkan satu. Apakah ini dibenarkan oleh ajaran syariat Nabi Muhammad SAW?

Oleh itu, larangan Allah dalam Surah Faatir ayat 6 yang menyatakan dengan terang syaitan itu musuh adalah tepat serta perlu dipatuhi.

Kita tidak boleh mengambil contoh daripada cerita Nabi Sulaiman yang menjadi penguasa atau raja kepada makhluk di dunia, termasuk binatang, syaitan dan jin - kerana Nabi Sulaiman adalah raja (berkuasa ke atas) segala makhluk. Dan kita sebagai manusia biasa tidaklah setaraf dengan kedudukan mukjizat Nabi Sulaiman. Kita manusia biasa, syaitan bukan rakan perjuangan.

Saya juga kesal kerana hujah jawapan mengenai boleh mendoakan untuk kemusnahan manusia lain yang dianggap musuh tidak diberi oleh pihak berkenaan dan saya masih menunggu jawapan itu.

Akhirnya saya amat dukacita di atas kekeliruan yang sengaja dibuat ini, janganlah sampai bertindak di atas dasar matlamat menghalalkan cara dan tidak sampai menodai ajaran Islam yang sebenar.